

## **Dr Ismail dilantik TNC UTHM**

Dekan Pusat Pengajian Siswazah Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) Profesor Dr Ismail Abdul Rahman dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) universiti itu berkuat kuasa Ahad lalu.

Dalam kenyataan bahagian Komunikasi Korporat UTHM, semalam, lantikan oleh Menteri Pendidikan Tinggi itu untuk tempoh tiga tahun sehingga 30 September 2020.

“Pelantikan ini mengisi jawatan yang sebelum ini disandang Profesor Dr Wahid Razzaly yang tamat tempoh lantikan.

“Ismail, 59, pernah

memegang jawatan Dekan Pusat Pengajian Diploma, Timbalan Dekan Penyelidikan dan Pembangunan di Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Sekitar, Ketua Pejabat Penerbit dan Timbalan Pengarah di Pusat Pengurusan Penyelidikan,” katanya, semalam.

Katanya, anak kelahiran Muar, Johor itu pemegang Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam kejuruteraan bangunan University of Manchester, Ijazah Sarjana Kejuruteraan Perkhidmatan Bangunan Heriot-Watt University, Edinburgh dan Sarjana Muda Kejuruteraan Sivil daripada Universiti Teknologi Malaysia (UTM).